



**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
(*Department of Agriculture Malaysia*)  
WISMA TANI  
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Tel : 603-8870 3133/ 3038  
Faks : 603-8870 3044  
Portal : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)  
E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### SIMPOSIUM KEJURUTERAAN PERTANIAN 2022

**Putrajaya, 5 Julai 2022** – Jabatan Pertanian Malaysia menganjurkan Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 dengan tema “Revolusi Teknologi Kejuruteraan Pertanian ke arah 4IR” untuk berkongsi kepakaran teknologi kejuruteraan pertanian dan membentuk jaringan kerjasama strategik dengan pemain industri yang berkaitan.

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan berkata selaras dengan teras utama Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0), penerimgunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) melalui pemodenan dan pertanian pintar amat penting bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian bagi menjamin sekuriti makanan negara. “Penggunaan teknologi moden antara lainnya seperti dron, sensor, robotic, internet kebendaan (*IoT*) dan Teknologi Pertanian Tepat (*Precision Farming*), menjadi elemen penting dalam kejuruteraan pertanian bagi meningkatkan produktiviti sistem makanan negara,” tegas beliau lagi.

Menurut Dr. Ronald, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat pembekal teknologi untuk turut menyumbang kepakaran dalam usaha mentransformasikan industri agromakanan negara. “Kajian penyelidikan dan pembangunan teknologi dalam sektor agromakanan juga sedang giat dijalankan, bukan sahaja oleh agensi penyelidikan kerajaan, namun turut melibatkan inisiatif pihak swasta termasuk pemain industri dan pembekal teknologi,” jelas beliau lagi.

Menurut Ketua Pengarah Pertanian, YBhg. Dato’ Zahimi bin Hassan, Jabatan Pertanian telah menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak swasta melalui *Participatory Observation* (PO) atau pemerhatian teknologi terpilih di lapangan bagi menentusahkan keberkesanan teknologi yang ditawarkan oleh penyedia teknologi sebelum dihebahkan kepada golongan sasaran.

Turut hadir sama pada majlis hari ini, YBhg. Dato’ Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, YBrs. Puan Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI dan YBhg. Dato’ Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia.

###

Disediakan oleh;  
Jabatan Pertanian Malaysia  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)